

Jabatan Bendahari

Bursar Office

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XI

Tarikh : 27 Jun 2012

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 13/2012**

Dekan / Pengarah / Ketua  
Fakulti / Pusat / Bahagian / Jabatan / Unit  
Universiti Kebangsaan Malaysia dan  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai perubahan tatacara perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara pakej seperti yang diterangkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2012.

**DEFINISI**

- i. **Latihan** – Proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Latihan meliputi konvensyen, forum, simposium, lawatan rasmi/korporat/sambil belajar,klinik kaunseling dan lain-lain program yang memenuhi definisi latihan.
- ii. **Pakej** – Perolehan yang dibuat dalam satu Pesanan Rasmi merangkumi kombinasi daripada mana-mana item kemudahan latihan seperti penginapan, makanan, dewan, bilik latihan, peralatan dan bahan yang berkaitan dengan latihan daripada penyedia kemudahan latihan yang berkeupayaan dan berkemampuan.

**KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN**

PTJ adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus kemudahan latihan secara pakej mengikut had nilai perolehan dan kuasa melulus seperti berikut:

Bil	Had Nilai (Bagi Setiap Pakej)	Kuasa Melulus	Tanggungjawab
1.	Sehingga RM5,000.00	Ketua PTJ	
2.	Melebihi RM5,000.00 hingga RM50,000.00	Bendahari UKM	
3.	Melebihi RM50,000.00 hingga RM500,000.00	Jawatankuasa Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan semua urusan berkaitan pelantikan penyedia kemudahan latihan mematuhi dasar dan tatacara perolehan Universiti bagi perkhidmatan latihan.</li> </ul>
4.	Melebihi RM500,000.00	Lembaga Perolehan UKM	

## **SYARAT-SYARAT PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ**

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara pakej adalah seperti berikut:

- i. Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi
- ii. Kajian pasaran dilaksanakan secara terperinci merangkumi kos sewaan dewan/bilik latihan dan peralatan yang berkaitan latihan untuk mendapatkan harga tawaran yang paling menguntungkan UKM sebelum perkhidmatan diperolehi
- iii. Perolehan tidak hanya tertumpu kepada satu penyedia kemudahan latihan sahaja dalam satu-satu tahun kewangan semasa
- iv. Keutamaan kepada institusi latihan/pusat konvensyen yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan atau anak-anak syarikatnya. (dikecualikan daripada berdaftar dengan Kementerian Kewangan)
- v. Keutamaan kepada penyedia kemudahan latihan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 220210 – Perhotelan (Menyediakan Pakej dan kemudahan untuk kursus, seminar dan lain-lain yang berkaitan) bagi perolehan yang bernilai melebihi RM50,000
- vi. Kadar kelayakan bagi penginapan, makan dan minum peserta latihan hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuatkuasa. Rujuk Pekeliling Bendahari Bil. 3/2012 Kadar Kelayakan Pakej Hotel dan Kadar Keraian Pensyarah / Profesor Pelawat.

## **JAWATANKUASA PENILAIAN**

PTJ hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian dengan keahlian terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengurus dan dua (2) orang ahli, dimana sekurang-kurangnya seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

Tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian adalah seperti berikut:

- i. Memastikan syarat-syarat perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara pakej dipatuhi
- ii. Menilai kemampuan penyedia kemudahan latihan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan penyedia kemudahan latihan dan lain-lain kriteria yang telah ditetapkan. Perbandingan antara satu tawaran penyedia kemudahan latihan dengan tawaran penyedia kemudahan yang lain hendaklah dibuat berdasarkan faktor atau unsur yang sama
- iii. Memperakukan kepada pihak berkuasa melulus, penyedia kemudahan latihan yang layak berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan.

Format Laporan Jawatankuasa Penilaian adalah seperti di **Lampiran 1**.

## CARTA ALIR PROSES KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ

Sila rujuk **Lampiran 2**

### PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 28/2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“Akauntabiliti Pegangan Kita”**

Yang benar,  
  
MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM  
- Pendaftar, UKM

**LAPORAN JAWATANKUASA PEMILIHAN LATIHAN SECARA PAKEJ**

<b>A. MAKLUMAT LATIHAN</b>		
Tujuan Latihan		
Tarikh		
Kod Peruntukan		
Peserta	Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi	
<b>B. MAKLUMAT PENCERAMAH / SYARIKAT</b>		
Nama Syarikat / Individu		
Kadar Bayaran Penceramah		
Prestasi Syarikat / Individu		
Penilaian Jawatankuasa Penilaian		
<b>C. MAKLUMAT JAMUAN</b>		
Nama Syarikat / Individu		
Kadar Jamuan		
Prestasi Syarikat / Individu		
Penilaian Jawatankuasa Penilaian		
<b>D. MAKLUMAT TEMPAT LATIHAN</b>		
Tempat Latihan		
Kadar Pakej		
Prestasi Syarikat		
Penilaian Jawatankuasa Penilaian		
<b>Syor Jawatankuasa Penilaian:</b>		
<b>Pengerusi</b> Tandatangan:..... Nama: Jawatan: Tarikh	<b>Ahli</b> Tandatangan:..... Nama: Jawatan: Tarikh:	<b>Ahli</b> Tandatangan:..... Nama: Jawatan: Tarikh:

## Carta Alir Perolehan Latihan Secara Pakej

